| HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK | BANK RAKYAT |
|---|---|
| Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kad Kredit-i Bank Rakyat. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat umum. | **Kad Kredit-i Bank Rakyat**<br><br>Tarikh : |

## 1. Apakah itu produk Kad Kredit-i Bank Rakyat?

Ia merupakan Kad Kredit-i *MasterCard* dengan had pembiayaan yang diberikan kepada anda di mana jika had pembiayaan yang telah digunakan tetapi belum dijelaskan sepenuhnya sebelum tarikh matang akan dikenakan sejumlah caj keuntungan.

## 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa`d daripada pihak pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai ejen pelanggan, Bank menjualkannya kepada pembeli pihak ketiga dengan cara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun khas bagi membolehkan pelanggan melakukan urusniaga pembelian barangan atau lain-lain perkhidmatan.

## 3. Apa yang akan saya perolehi dari produk ini?

a) Had pembiayaan bagi Kad Kredit-i Bank Rakyat akan ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan pemohon. Had pembiayaan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank Rakyat, dengan had minimum seperti berikut:

| Jenis Kad Kredit-i | Had Minimum (RM) | Pendapatan Tahunan (RM) |
|---|---|---|
| Platinum | 20,000 | > 60,000 |
| Rakyat XClusive MasterCard | 20,000 | > 60,000 |
| Emas | 1,000 | > 36,000 |
| Muslimah | 1,000 | > 24,000 |
| Alumni Jit Sin | 3,000 | > 36,000 |
| Platinum Explorer | 3,000 | > 60,000 |
| Platinum Xclusive Explorer | 50,000 | > 60,000 |
| PDRM | 1,000 | > 24,000 |

- Kad Kredit-i Rakyat Xclusive MasterCard & Platinum Xclusive Explorer: Kad edisi khas ditawarkan kepada ahli Rakyat Xclusive Bank Rakyat.
- Kad Kredit-i Alumni Jit Sin : Kad edisi khas ditawarkan kepada alumni Sekolah Tinggi Jit Sin.
- Kad Kredit-i PDRM : Kad edisi khas ditawarkan kepada anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan wargakerja bukan pengurusan PDRM.

**MAKLUMAT TAMBAHAN :**

1. Pemohon yang berpendapatan :
   - ≤RM36,000 setahun - pemegang kad hanya boleh memegang Kad Kredit-i maksimum dari dua pengeluar kad dan had maksimum pembiayaan adalah dua kali ganda dari pendapatan bulanannya bagi setiap pengeluar. Ianya terpakai kepada pemegang kad sedia ada dan baru.
   - >RM36,000 setahun - Had pembiayaan adalah berdasarkan penilaian ke atas kelayakan pembiayaan.

2. Pemohon yang tidak dapat mengemukakan dokumen bukti pendapatan, anda perlu membuka Akaun Deposit-i Berjangka Bank Rakyat dan meletakkan sejumlah deposit yang bersamaan dengan jumlah had pembiayaan Kad Kredit-i yang dipohon. Jumlah tersebut hendaklah disimpan dalam Akaun Deposit-i Berjangka sepanjang masa, selagi Kad Kredit-i tersebut masih aktif.

b) Kadar keuntungan tahunan RENDAH di bawah Struktur Kadar Keuntungan Berperingkat Kad Kredit-i Bank Rakyat.

| | Kadar Keuntungan Tahunan | Kriteria | Peringkat/*Tier* |
|---|---|---|---|
| **Runcit** | 13.5% | Bukan Anggota Bank Rakyat | Tier 1: Bayaran minimum diterima sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran untuk 9 bulan berturut-turut |
| | 13.0% | Anggota Bank Rakyat | |
| | 17.0% | Bukan Anggota Bank Rakyat | Tier 2: Bayaran minimum diterima sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran untuk 6 bulan atau lebih dalam tempoh 9 bulan |
| | 15.5% | Anggota Bank Rakyat | |
| | 18.0% | Bukan Anggota Bank Rakyat | Tier 3: Tidak memenuhi syarat-syarat Tier 1 dan Tier 2 di atas. |
| | 17.0% | Anggota Bank Rakyat | |
| **Pengeluaran Tunai** | 18.0% | Kadar keuntungan pengeluaran tunai dikira secara harian dari tarikh transaksi sehingga tarikh bayaran penuh. | |

| | | |
|---|---|---|
| **Pindahan Baki** | 0.25% sebulan atau 3% setahun | 3 bulan pertama |
| | 1.125% sebulan atau 13.5% setahun | Bulan ke-4 sehingga jumlah pindahan selesai dibayar |

Nota : Untuk menikmati kadar keuntungan tahunan yang lebih rendah, anda perlu membuat bayaran sekurang-kurangnya 9 bulan berturut-turut dalam tempoh 12 bulan.

c) Tawaran kadar keuntungan tahunan bagi penjawat awam dan wargakerja di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) :

| Jenis Transaksi | Tier | Kadar Keuntungan Tahunan | Syarat Kelayakan | Tempoh Kelayakan |
|---|---|---|---|---|
| **Runcit** | Tier 1 | 8% | Jumlah baki tertunggak >30% dari had pembiayaan **DAN** tunggakan **TIDAK** melebihi 60 hari. | TIGA (3) TAHUN daripada penyata PERTAMA dikeluarkan selepas tarikh penyertaan |
| | Tier 2 | 9% | Jumlah baki tertunggak 10% - 30% dari had pembiayaan **DAN** tunggakan **TIDAK** melebihi 60 hari. | |
| | Tier 3 | 10% | Jumlah baki tertunggak <10% dari had pembiayaan **DAN** tunggakan **TIDAK** melebihi 60 hari. | |
| **Pengeluaran Tunai** | - | 18% | - | - |
| **Pindahan Baki** | **3 bulan PERTAMA** | | | |
| | - | 3% | - | - |
| | **Bulan ke-4 dan seterusnya** | | | |
| | Tier 1 | 8% | > 30% daripada had pembiayaan | Sehingga Penjelasan Penuh |
| | Tier 2 | 9% | 10% - 30% daripada had pembiayaan | |
| | Tier 3 | 10% | < 10% daripada had pembiayaan | |

**<u>Penting :</u>** Sekiranya akaun kad kredit-i pemegang kad tertunggak melebihi 60 hari bagi transaksi **RUNCIT**, tawaran kadar keuntungan tahunan di atas akan **TERBATAL** secara automatik. Pemegang kad akan dikenakan dengan kadar keuntungan tahunan mengikut Tier kadar keuntungan tahunan sedia ada di Tier 2 iaitu 15.5% bagi Anggota Bank Rakyat, 17% bagi Bukan Anggota Bank Rakyat dan 9% bagi wargakerja Bank Rakyat.

d) Pengeluaran Tunai :

Had pengeluaran maksimum tunai melalui kaunter/ATM adalah mengikut had pengeluaran tunai kaunter/ATM berkenaan atau mengikut Jadual/Tier seperti di bawah :

| Tier | Kriteria | Kadar Keuntungan Tahunan (Transaksi Runcit) | Had Pengeluaran Maksimum |
|---|---|---|---|
| Tier 1 | Anggota Bank Rakyat | 13.0% | 100% |
| | Bukan Anggota Bank Rakyat | 13.5% | |
| Tier 2 | Anggota Bank Rakyat | 15.5% | 75% |
| | Bukan Anggota Bank Rakyat | 17.0% | |
| Tier 3 | Anggota Bank Rakyat | 17.0% | 50% |
| | Bukan Anggota Bank Rakyat | 18.0% | |

Nota : Peratus (%) had pengeluaran maksimum tunai yang dibenarkan adalah mengikut had pembiayaan yang ditetapkan sahaja.

e) Rebat Rakyat.
Jadual Rebat Rakyat adalah seperti dibawah:

| **Perkara** | **Tahun 1** | **Tahun 2** | **Tahun 3** |
|---|---|---|---|
| Kemudahan '*auto debit*' | 0.5% | 0.5% | 0.5% |
| Rekod pembayaran yang baik | 1.0% | 1.0% | 1.5% |
| Lain-lain kemudahan pembiayaan di Bank Rakyat | 0.5% | 1.0% | 1.0% |
| **Jumlah Rebat (Rebat Rakyat)** | **2.0%** | **2.5%** | **3.0%** |

Rebat yang diperoleh dari Rebat Rakyat akan ditolak secara terus mengikut baki tertunggak pada tarikh penyata.

f) Ganjaran Rakyat

- 1 mata ganjaran akan diberikan kepada pemegang Kad Kredit-i untuk setiap RM10 penggunaan. Mata ganjaran tersebut kemudiannya akan ditukarkan kepada tunai pada kadar RM0.10 bagi setiap 10 mata ganjaran.

- Tempoh sah Ganjaran Rakyat adalah selama 3 tahun. Ganjaran yang diperoleh pelanggan pada mana mana tarikh pada sebarang bulan adalah sah sehingga penghujung bulan yang sama untuk 3 tahun berikutnya.

g) Perlindungan Takaful Keluarga PERCUMA dan Khairat Kematian (RM1,000). Perlindungan termasuk jaminan pembayaran penuh pembiayaan yang belum dijelaskan melalui penggunaan kad kredit-i.
* Umur maksimum perlindungan Takaful adalah sehingga 64 tahun pada tarikh kejadian (kematian/keilatan)
* Jumlah maksimum perlindungan Takaful adalah sehingga RM300,000 (tertakluk kepada kelulusan takaful).

**Kelebihan tambahan untuk Platinum Explorer Bank Rakyat :**

a) 5% pulangan tunai untuk pembelian tiket kapal terbang DAN tempahan hotel*

*** NOTA :**
- 5% pulangan tunai adalah TERHAD kepada RM1,000 setahun.
- Tertakluk kepada *Merchant Category Code* (MCC) yang telah ditetapkan oleh pihak Bank **SAHAJA**.
- Jumlah ini adalah Kombinasi penggunaan daripada pemegang Kad Utama dan Tambahan.
- **TIDAK** boleh digunakan untuk tujuan perniagaan.

b) Akses PERCUMA* ke Plaza Premium Lounge :

*** NOTA :**
- Tiga (3) akses percuma untuk setiap tahun.
- Tiga (3) akses percuma diperuntukkan untuk setiap pemegang Kad Utama dan Kad Tambahan.
- Tiga (3) akses percuma tidak boleh di bawa ke tahun hadapan pada tahun berikutnya.
- Akses percuma akan diperbaharui pada setiap tahun.
- SAH digunakan di Plaza Premium Lounge yang terdapat di Malaysia.

✓ **Platinum Xclusive Explorer Bank Rakyat :**
- Lima (5) akses percuma untuk setiap tahun.
- Lima (5) akses percuma diperuntukkan untuk setiap pemegang Kad Utama dan Kad Tambahan.
- Lima (5) akses percuma tidak boleh di bawa ke tahun hadapan pada tahun berikutnya.
- Akses percuma akan diperbaharui pada setiap tahun.
- SAH digunakan di Plaza Premium Lounge yang terdapat di Malaysia.

*** PENTING :**
**1) Akses percuma yang ditawarkan di Plaza Premium Lounge hanya TERHAD kepada makanan dan minuman yang HALAL SAHAJA. Pihak Bank tidak bertanggungjawab jika pemegang kad mengambil makanan dan minuman yang TIDAK HALAL disediakan untuk pelanggan bukan Islam.**
**2) Hak akses dan penggunaan Plaza Premium Lounge adalah tertakluk kepada apa-apa peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Plaza Premium Lounge Management Limited dari masa ke masa.**

**Kelebihan tambahan untuk PDRM Bank Rakyat :**

a) FI perkhidmatan pengeluaran tunai istimewa iaitu 1.5% atau minimum RM15 (yang mana lebih tinggi) di ATM / Kaunter Bank Rakyat.
Nota: FI pengeluaran di ATM / Kaunter bank lain adalah pada kadar sedia ada.

## 4. Apakah tanggungjawab saya?

| | |
|---|---|
| Bayaran Minimum setiap bulan = (A) + (B) + (C) + (D) + (E) **ATAU** **RM50**, yang mana lebih tinggi. | Komposisi bayaran minimum bulanan adalah terdiri daripada :<br>A) 5% daripada baki tertunggak (termasuk transaksi runcit, pindahan baki (tanpa ansuran), pengeluaran tunai, caj keuntungan, Cukai Perkhidmatan Kad, yuran tahunan (sekiranya ada), cukai tambahan yang dikenakan (sekiranya ada) dan lain-lain fi (sekiranya ada) **DAN**<br>B) Pelan ansuran bulanan (kontrak ansuran bulanan FLEXI, EPP, pindahan baki dan sebarang ansuran lain dari masa ke masa) yang dilanggan selepas **31 Mei 2020 DAN**<br>C) Kontrak ansuran bulanan pinjaman berjadual bagi *Automatic Balance Conversion* (ABC) sekiranya ada **DAN**<br>D) Bayaran minimum bulanan yang tertunggak **DAN**<br>E) Amaun penggunaan melebihi had pembiayaan<br><br>**ATAU**<br>• Bayaran minimum sebanyak RM50 daripada jumlah baki tertunggak, yang mana lebih tinggi. |
| Tempoh Tangguhan Caj Keuntungan | • Untuk transaksi runcit* - 20 hari dari tarikh urusniaga, jika anda membayar dengan penuh baki tertunggak sebelum atau pada tarikh matang.<br><br>• Jika anda tidak melunaskan sepenuhnya sebelum atau pada tarikh matang, caj keuntungan akan dikenakan bermula dari tarikh transaksi didebitkan.<br><br>* Tidak tertakluk kepada Pindahan Baki dan Pengeluaran Tunai. |

- Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan obligasi yang dilakukan oleh pemegang kad tambahan.

## 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

**Yuran dan Caj** — **Huraian**

### 1. Yuran Tahunan

| Jenis Kad | Kad Utama (RM) | Kad Tambahan (RM) |
|---|---|---|
| Platinum | 388 | 150 |
| Rakyat XClusive MasterCard | 388 | 150 |
| Alumni Jit Sin | 388 | 150 |
| Platinum Xclusive Explorer | 388 | 150 |

**Nota:** Yuran tahunan adalah DIKECUALIKAN bagi tahun pertama. Yuran tahunan juga dikecualikan bagi tahun kedua dan seterusnya, dengan syarat sekurang-kurangnya satu (1) penggunaan setahun.

| Jenis Kad | Kad Utama (RM) | Kad Tambahan (RM) |
|---|---|---|
| Platinum Explorer | 388 | 150 |
| Emas | 150 | 80 |
| Muslimah | 150 | 80 |

Nota: Buat masa ini yuran tahunan adalah DIKECUALIKAN.

### 2. Bayaran Perkhidmatan Pengeluaran Tunai

a) Pengeluaran tunai melalui ATM atau kaunter Bank Rakyat akan dikenakan fi sebanyak 3% ke atas jumlah pengeluaran tunai, atau RM20 yang mana lebih tinggi.

b) Pengeluaran tunai melalui ATM atau kaunter bank-bank lain, fi sebanyak 5% akan dikenakan ke atas jumlah pengeluaran tunai, atau RM20 yang mana lebih tinggi.

Jadual fi perkhidmatan pengeluaran tunai adalah seperti di bawah:

| Saluran | Jumlah setiap pengeluaran tunai | Fi perkhidmatan |
|---|---|---|
| ATM atau kaunter Bank Rakyat | Sehingga RM666 | RM20 |
| | Melebihi RM666 | 3% atas jumlah pengeluaran tunai |
| ATM atau kaunter bank-bank lain | Sehingga RM400 | RM20 |
| | Melebihi RM400 | 5% atas jumlah pengeluaran tunai |

### 3. Permintaan Salinan Penyata Bulanan Kad

RM5.00 akan dikenakan untuk **setiap salinan** Penyata Bulanan Kad yang diminta.

### 4. Permintaan Deraf Jualan

a) RM5.00 akan dikenakan untuk setiap salinan <u>fotokopi</u> deraf jualan.
b) RM15.00 untuk setiap salinan <u>asal</u> deraf jualan.

### 5. Caj Penggantian Kad

RM50 untuk setiap penggantian Kad Kredit-i Bank Rakyat yang dilakukan.

### 6. Transaksi Luar Negara

Kadar pertukaran wang asing bagi transaksi di luar Negara adalah seperti yang ditentukan melalui *MasterCard International* semasa tarikh penerimaan transaksi dan/ atau pemprosesan oleh Bank Rakyat.

### 7. Caj atas lebihan had pembiayaan

Tiada

### 8. Cukai Perkhidmatan (Kad Kredit-i)

| Kad Utama (RM) | Kad Tambahan (RM) |
|---|---|
| 25.00 | 25.00 |

## 6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

a) Caj Ganti Rugi (Ta'widh) sebanyak 1% daripada jumlah baki tertunggak sekiranya tiada bayaran diterima pada hari ke-4 selepas tarikh akhir pembayaran atau bayaran yang dibuat adalah kurang daripada jumlah bayaran minimum yang ditetapkan (tertakluk kepada caj minimum RM10 dan caj maksimum RM100). Caj ini tidak dikompaunkan.

b) Bank berhak untuk memindahkan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun Bank Rakyat anda untuk membayar sebarang tunggakan akaun Kad Kredit-i dengan memberikan notis 7 hari kalendar terlebih dahulu.

c) Jika gagal melaporkan kehilangan/kecurian kad dengan SEGERA, anda akan bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi tidak sah melalui penggunaan kad anda.

d) Anda akan bertanggungjawab ke atas urusniaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN, jika anda:
- melakukan penipuan;
- gagal untuk melaporkan dengan segera kepada Pusat Kad Bank Rakyat sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian Kad Kredit-i tersebut;
- secara sukarela mendedahkan nombor PIN anda kepada orang lain; atau

- merekod nombor PIN di atas Kad Kredit-i anda, atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit-i anda.

e) Anda akan bertanggungjawab ke atas urusniaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh (*contactless*), jika anda:
   - melakukan penipuan;
   - gagal untuk melaporkan dengan segera kepada Pusat Kad Bank Rakyat sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian Kad Kredit-i tersebut;
   - meninggalkan Kad Kredit-i anda atau item-item yang mengandungi Kad Kredit-i anda tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain;
   - secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit-i anda.

   Nota : Kadar SEGERA bermaksud kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran dimaklumkan kepada Bank dalam tempoh DUA (2) jam dari masa kejadian.

f) Kad Kredit-i Bank Rakyat dan/atau apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank boleh dibatalkan dalam masa yang munasabah selepas notis bertulis dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad sekiranya didapati Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit-i untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk yang berkaitan penggubahan wang haram dan/atau tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah. Selepas penamatan kad tersebut, semua keuntungan tertunggak dan caj lain yang berkaitan hendaklah dibayar serta-merta kepada Bank Rakyat.

g) Kad-kad bagi pemegang kad tambahan juga akan dibatalkan serta-merta samada atas permintaan pemegang kad utama atau tidak.

h) Bank Rakyat berhak membatalkan Kad Kredit-i anda jika anda gagal mematuhi Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat.

**7. Apa terjadi jika saya melunaskan kesemua baki sebelum tarikh matang? (Untuk Pindahan Baki / Skim Ansuran Mudah)**

Tiada "lock-in period" untuk program Pindahan Baki dan Skim Ansuran Mudah. Oleh itu, tiada caj akan dikenakan ke atas pelunasan awal.

**8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?**

a) Sekiranya anda hanya membuat bayaran minimum bulanan, caj keuntungan dan masa yang diambil untuk menyelesaikan semua baki tertunggak akan meningkat. Pembayaran secara penuh pada tarikh matang akan mengelakkan dari dikenakan sebarang caj keuntungan dan Caj Ganti Rugi (Ta'widh).

b) Jika anda menggunakan Kad Kredit-i anda untuk membuat pembayaran bagi pembiayaan yang lain, ia mungkin akan menambahkan kos anda.

c) Jika anda mempunyai masalah untuk membayar Kad Kredit-i anda, hubungi kami bagi membincangkan alternatif pembayaran ansuran/pembiayaan.

d) Anda juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta merta apabila menerima pemberitahuan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), jika transaksi yang berlaku adalah tidak sah.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat saya?**

Anda hendaklah menghubungi pihak Bank di nombor 03-2693 6880 (24 jam) dengan kadar segera bagi memastikan sebarang makluman akan dapat disalurkan secara efektif.

| 10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang produk Kad Kredit-i ini? |
|---|

a) Untuk maklumat lanjut tentang Kad Kredit-i Bank Rakyat, sila rujuk risalah produk atau layari laman sesawang kami iaitu www.bankrakyat.com.my atau anda boleh menghubungi mana-mana cawangan Bank Rakyat di seluruh negara.

b) Sebarang cadangan dan pertanyaan boleh disalurkan ke:

- Pusat Kad Bank Rakyat : 03-2693 6880 (24 jam)
- Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-80-5454 / Talian Antarabangsa : +603-5526 9000
  - Isnin hingga Ahad : 24 jam
    7:30 pagi hingga 9:30 malam - Talian dibuka untuk semua pertanyaan
    9:30 malam hingga 7:30 pagi - Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad
  - E-mel : telerakyat@bankrakyat.com.my

c) Sebarang aduan boleh dilaporkan kepada:

- Pusat Kad Bank Rakyat : 03-2693 6880 (24 jam)
  03-2692 4600 (Kehilangan dan kecurian kad)
- Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-80-5454 / Talian Antarabangsa : +603-5526 9000
  - Isnin hingga Ahad : 24 jam
    7:30 pagi hingga 9:30 malam - Talian dibuka untuk semua pertanyaan
    9:30 malam hingga 7:30 pagi - Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad
  - E-mel : telerakyat@bankrakyat.com.my

atau,

menghantar aduan ke : Unit Biro Aduan Awam,
Khidmat Pelanggan, Tingkat 9
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur
atau e-mel ke aduan@bankrakyat.com.my

atau,

hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di : Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
No. Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

d) Sewaktu berada di luar Negara, sila laporkan kepada mana-mana bank pengeluar *MasterCard* atau *MasterCard Travel International Service Centre* bagi mendapatkan bantuan.

| 11. Lain-lain Kad Kredit-i Bank Rakyat: |
|---|

- **Seperti di perkara 3 (a).**

**PERINGATAN PENTING !**

**a) TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBAYAR KAD KREDIT-i ANDA.**
**b) PRODUK KAD KREDIT-i EMAS DAN KLASIK TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 29 MAC 2007.**
**c) PRODUK KAD KREDIT-i PLATINUM TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 19 SEPTEMBER 2013.**
**d) PRODUK KAD KREDIT-i MUSLIMAH TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 01 DISEMBER 2015.**
**e) PRODUK KAD KREDIT-i ALUMNI JIT SIN TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 6 MAC 2019.**
**f) PRODUK KAD KREDIT-i PLATINUM EXPLORER TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 3 DISEMBER 2018.**
**g) PRODUK KAD KREDIT-i PLATINUM XCLUSIVE EXPLORER TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 18 MEI 2022.**
**h) PRODUK KAD KREDIT-i PDRM BANK RAKYAT TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SYARIAH PADA 20 DISEMBER 2022**
**i) HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI DAN DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.**